

## KLMUC Dedahkan Pelajar Media Kepada Amalan Industri Melalui Tayangan Khas *Showdown The Movie*

**Kuala Lumpur, 29 Mar 2016** – Sempena dengan tayangan khas filem yang dinantikan, *Showdown The Movie*, Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) telah mengadakan sesi perkongsian pengalaman bersama pelakon, pengarah, penulis skrip, koreografer dan penerbit filem tersebut. Ini merupakan suatu inisiatif oleh Fakulti Pengajian Media KLMUC untuk menyediakan pembelajaran melalui pengalaman kepada pelajarannya.

Sesi tersebut itu diterajui oleh Tengku Iesta Tengku Alaudin, penerbit filem *Showdown The Movie* keluaran Grand Brilliance, pengarah filem, Khai Bahar, koreografer, Pat Ibrahim dan penulis skrip, Mohd Zulkifli Abd Jalil, yang juga merupakan Dekan Pengajian Media KLMUC. Mohd Zulkifli, yang lebih dikenali dalam industri hiburan sebagai MZul turut menjadi moderator sesi pertukaran idea yang menyentuh pelbagai topik industri hiburan dengan para pelajar termasuk rahsia kejayaan menterjemahkan cerita dari skrip ke skrin.

Selaras dengan falsafah Kumpulan Pendidikan ILMU, iaitu *Pembelajaran Kehidupan Nyata* dan *Aplikasi Dunia Nyata*, tayangan khas tersebut telah disusuli oleh pelancaran saluran *YouTube* Fakulti Pengajian Media KLMUC itu sendiri. Saluran itu akan berfungsi sebagai portfolio digital serta menjadi landasan untuk para pelajar yang bersedia untuk menceburi industri media dan hiburan mempamerkan hasil kerja kreatif dan bakat mereka. Malaysia menyasarkan Pendapatan Kasar Negara (GNI) yang melebihi RM3 bilion daripada industri kandungan kreatif serta mewujudkan lebih daripada 10,400 peluang pekerjaan dalam masa empat tahun.<sup>1</sup>

Mengulas mengenai masa hadapan cerah yang menanti graduan yang bakal menceburi bidang ini, MZul berkata, "Di KLMUC, kami memberi penekanan terhadap usaha menerapkan dunia nyata sebagai sebahagian daripada pengalaman pembelajaran. Kami mempunyai ramai pelajar yang berbakat dan adalah tanggungjawab kami bagi mewujudkan peluang untuk mereka agar lebih berdaya saing apabila melibatkan diri di dalam industri ini."

"Melalui sesi perkongsian bersama KLMUC ini, pembelajaran berasaskan projek, dan tenaga pengajar yang berpengalaman di dalam industri, kami telah menyediakan komponen asas untuk pembangunan graduan yang selaras dengan keperluan industri," kata MZul.

Filem *Showdown The Movie* menampilkan Reza Hasbi, Izara Aishah, *B-Boys Dance Crew*, Iedil Putra, Azad Jazmin dan Maria Farida sebagai pelakon utama di samping mengetengahkan Aiman Asmawar, Amirul Hadi, Jehan Shukri, dan Azim Aris dengan penampilan khas oleh pemenang *Showdown 2010*, *Giller Battle Crew*. Filem ini adalah sebuah filem tarian penuh aksi yang diilhamkan daripada program realiti, dan berkisar tentang perjalanan serta perjuangan *Giller Battle Crew* dalam usaha mereka untuk menjadi juara pertandingan tarian yang terbesar di Malaysia. *Showdown The Movie* akan mula ditayangkan di seluruh negara pada 7 April 2016.

##TAMAT##

<sup>1</sup> [http://etp.pemandu.gov.my/Communications,\\_Content\\_-%E2%97%98-\\_Infrastructure-@-Communications\\_Content\\_and\\_Infrastructure\\_-\\_EPP\\_1-;\\_Nurturing\\_Malaysia\\_Creative\\_Content.aspx](http://etp.pemandu.gov.my/Communications,_Content_-%E2%97%98-_Infrastructure-@-Communications_Content_and_Infrastructure_-_EPP_1-;_Nurturing_Malaysia_Creative_Content.aspx)

## **Mengenai Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC)**

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang progresif dan inovatif dengan menawarkan lebih daripada 45 program di bawah enam fakulti. Ditubuhkan pada tahun 2006 KLMUC kini menawarkan program Asasi, Diploma, Ijazah dan Ijazah Sarjana yang menerapkan prinsip *Aplikasi Dunia Nyata* sebagai laluan kepada kejayaan profesional. KLMUC juga terus berusaha dalam membangunkan program-program yang relevan bagi memenuhi keperluan pelajar. Program-program akademik dibangunkan melalui perundingan dengan rakan-rakan perniagaan dan industri luar, sektor awam dan profesional. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.klmuc.edu.my](http://www.klmuc.edu.my)

## **Mengenai Kumpulan Pendidikan ILMU (ILMU)**

ILMU ialah syarikat induk bagi semua syarikat pendidikan dalam portfolio pelaburan Ekuinas. Kumpulan tersebut terdiri daripada tujuh institusi di Malaysia dan Sri Lanka, menyediakan pendidikan serba lengkap kepada lebih 35,000 pelajar di 21 kampus yang memenuhi keperluan pendidikan dari peringkat K-12 sehingga peringkat pengajian tinggi. Kini, portfolio institusi ILMU termasuk:

**Pengajian Tinggi:** Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), UNITAR, Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC), Cosmopoint College, dan APIIT Sri Lanka.

**K-12:** Asia Pacific Schools (APS) yang terdiri daripada Asia Pacific Smart School (APSS) dan Asia Pacific International School (APIS), dan Tenby Schools. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.ilmuedu.com>

## **Pertanyaan Media**

### **Mansurah Raisa Ab Rahim**

essence Burson-Marsteller

03-7493 5588

[raisa@my-essence.com](mailto:raisa@my-essence.com)

### **Chang Shu Ting**

essence Burson-Marsteller

03-7493 5588

[shuting@my-essence.com](mailto:shuting@my-essence.com)